

PROGRAM JELAJAH IPT UTARA,

Sekretariat Rakan Muda (SRM) UTM Eratkan Hubungan Antara IPT

Oleh ; Sekretariat Rakan Muda (SRM) UniMAP



Sekretariat Rakan Muda (SRM) UniMAP telah menerima lawatan delegasi SRM UTM pada 26 Februari 2010 bersempena dengan program Jelajah IPT Utara. Setibanya delegasi di Wang Ulu, mereka mendaftar masuk ke bilik masing di kolej kediaman dan setelah itu, mereka dibawa ke Kg. Wai untuk makan malam dan diteruskan dengan sesi pengenalan di antara SRM UniMAP dan SRM UTM. Selesai makan malam, delegasi dibawa melawat ke bilik gerakan UniMAP dan juga diadakan sesi diskusi serta bertukar pendapat dan memberi cadangan tentang fungsi SRM di Universiti masing-masing. Pada hari keduanya,

SRM UniMAP dan UTM berangkat ke Bukit Ayer untuk sesi gotong-royong bersama-sama di mana program ini juga disertai oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perlis.

Pembahagian kumpulan dan tugas telah dilakukan untuk memudahkan dan mempercepatkan proses gotong-royong. Selepas bergotong-royong di Bukit Ayer, SRM UniMAP membawa delegasi ke Padang Besar untuk lawatan aktiviti seterusnya. Lawatan diteruskan dengan aktiviti menjelajah Gua Kelam. Sebelah malamnya pula, aktiviti 'barbeque' satu majlis perpisahan dan penutup telah diadakan. Pada pagi 28 Februari 2010, SRM UTM berangkat ke USM selepas bersarapan. Lawatan SRM UTM ke UniMAP ini telah banyak memberi manfaat seperti pertukaran pendapat di antara kedua-dua SRM demi memantapkan lagi organisasi rakan muda serta menaikkan lagi martabat organisasi rakan muda dimata masyarakat serta menarik minat golongan remaja untuk menyertai. Di antara perkara yang dapat dipelajari adalah susunan organisasi mereka yang mantap, pengurusan

program yang tersusun, takwim program mereka yang baik, program-program yang telah dijalankan oleh mereka, kerjasama mereka di antara kelab dan persatuan lain di UTM di mana SRM UTM menjadi penghubung di antara kelab dan persatuan dengan pihak UTM.

Selain itu, program yang diadakan adalah di bawah Rakan Cinta Alam, aktiviti gotong royong yang bertujuan untuk menyedarkan ahli-ahli mengenai pencemaran yang telah berlaku di sekeliling kita, untuk memupuk semangat kerjasama di antara SRM UTM dan UniMAP, serta merapatkan hubungan sesama mereka.

